

PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR (KEUSAHAWANAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN)

Kompleks Pusat Pengajian 4, Jalan Jejawi-Tambun Tulang, 02600 Arau, PERLIS
Tel : 04-979 8942 | Faks : 04-978 2749

"MEMORANDUM"

Kepada :

Semua Pelajar Ijazah (Pelajar Tempatan) UniMAP Kemasukan Sesi Akademik 2016/2017

Assalamualaikum dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP Di Hati

Saudara/Saudari,

MAKLUMAN BERKENAAN ARAHAN UNTUK MENGISI SOAL SELIDIK KAJIAN PEMETAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN PELAJAR (STUDENTS ENTREPRENEURIAL MAPPING (SEM)) KEPADA SEMUA PELAJAR TAHUN 1 & 2 PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH (PELAJAR TEMPATAN) KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2016/2017

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Unit Keusahawanan dan PPRN dengan kerjasama Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan), UniMAP sedang menjalankan kajian Pemetaan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar di UniMAP. Kajian ini amat penting bagi membolehkan Kementerian dan universiti dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan keusahawanan serta mengenalpasti pelajar yang mempunyai potensi dan tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi untuk memulakan aktiviti perniagaan.

3. Sehubungan itu, **SEMUA PELAJAR UniMAP TAHUN 1 DAN 2 KEMASUKAN PADA BULAN OGOS-SEPTEMBER 2016, SESI AKADEMIK 2016/2017 (PELAJAR TEMPATAN SAHAJA) ADALAH DIWAJIBKAN** untuk mengisi **Sistem Kajian Pemetaan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar** ini. Para pelajar boleh berbuat demikian dengan -

- i). masuk ke pautan berikut - <http://113.23.201.8/>;
- ii). pilih Universiti - "**Universiti Malaysia Perlis**";
- iii). masukan **No. Kad Pengenalan**; dan
- iv). klik butang "Hantar"

*** Catatan: Hanya Pelajar Program Pengajian Peringkat Ijazah (Tempatan) yang No. Matriknya bermula dengan "16xxxxxx" sahaja yang perlu mengisi sistem kajian ini.**

4. Sebagai maklumat tambahan para pelajar boleh mengakses pautan tersebut dengan menggunakan pelayar web Chrome/Mozilla/Internet Explorer melalui komputer/ tablet/ android dan mengisi segala maklumat yang diperlukan sehingga selesai. Sistem kajian ini telah dibuka untuk diisi sehingga **15 Ogos 2017**. Sekiranya para pelajar menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan pengisian sistem ini, sila hubungi talian berikut - **04-9798750/0194165498 (En. Hakam) atau 04-9768092/0134480773 (En. Azim)**

PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR (KEUSAHAWANAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN)

Kompleks Pusat Pengajian 4, Jalan Jejawi-Tambun Tulang, 02600 Arau, PERLIS
Tel : 04-979 8942 | Faks : 04-978 2749

Perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh semua berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulung Tinggi"

Saya yang menjalankan tugas

(MOHD HAKAM HASSAN)

Pegawai Tadbir

Unit Pembangunan Keusahawanan Pelajar

Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan & Kelestarian Kewangan)